

26/01/2005

Belum terdesak nilai semula tambatan ringgit

By Nor Liza Ahmad

MENTERI Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Malaysia tidak terdesak untuk menilai semula kadar tambatan ringgit terhadap Dolar Amerika Syarikat walaupun kekukuhan ekonomi semasa membuka peluang luas kepada kerajaan berbuat demikian.

Sambil menegaskan bahawa ekonomi Malaysia akan kekal kukuh untuk tempoh panjang, beliau berkata, kerajaan pada masa ini tidak berhasrat menilai semula kadar pertukaran berkenaan.

"Banyak andaian mengatakan Malaysia sudah kukuh dan kini masa sesuai bagi negara mengkaji semula kadar ringgit. Jendela peluang yang ada sangat luas.

"Kepercayaan saya, kita akan kukuh untuk tempoh yang lama. Asas ekonomi kita cukup kukuh," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pasaran Modal Malaysia kelima di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, semalam.

Nor Mohamed yang dilihat sebagai arkitek kepada struktur tambatan ringgit RM3.80 bagi setiap dolar enam tahun lalu, ditanya pemberita sama ada suasana ekonomi ketika ini sepatutnya digunakan Malaysia untuk menilai semula tambatan itu.

Bagaimanapun, Nor Mohamed berkata, kerajaan akan terus memantau keadaan serta mengambil tindakan mengkaji semula tambatan itu apabila perlu.

Langkah menetapkan nilai ringgit kepada dolar dilaksanakan September 1998 bagi melindungi ekonomi negara daripada berterusan terjejas akibat krisis ekonomi serantau.

Tindakan menetapkan nilai ringgit itu berjaya menstabilkan ekonomi Malaysia sejak krisis kewangan itu tetapi nilai mata wang Malaysia menurun berbanding mata wang lain berikutan kejatuhan dolar.

Antara Januari 2004 hingga pertengahan bulan ini, nilai ringgit susut 4.1 peratus berbanding euro, jatuh 5.1 peratus berbanding pound dan 3.2 peratus berbanding yen.

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertubuhan tujuh peratus bagi 2004 dan mengunjurkan kenaikan enam peratus tahun ini.

Ahli ekonomi dan penganalisis berpendapat pertumbuhan berterusan adalah masa paling sesuai bagi Malaysia mengkaji semula kadar tambatan ringgit.

Minggu lalu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia perlu mengkaji semula kadar tambatan ringgit yang dilaksanakan sejak kira-kira enam tahun lalu kerana negara kini mengalami kerugian akibat kejatuhan mata wang Amerika Syarikat.

Dalam perkembangan lain, Nor Mohamed berkata, Malaysia akan terus memberi tumpuan membangunkan pasaran modal tempatan dalam usaha meningkatkan kecairan dalam pasaran.

"Antaranya bagi mewujudkan pasaran bon lebih sofistikated," katanya sambil menambah tahun ini dijangka menyaksikan lebih banyak perkembangan positif termasuk dalam pasaran ekuiti dan bon.

Beliau berkata, pasaran bon tempatan kini bukan saja antara paling besar di rantau ini, tetapi menyaksikan pelbagai inovasi termasuk perkembangan pasaran dalam instrumen sekuriti, pertumbuhan pesat bagi segmen kewangan Islam dan terbitan bon ringgit yang pertama oleh entiti asing.

Nor Mohamed berkata, RM7.7 bilion sekuriti hutang swasta Islam dan RM14 bilion bon konvensional diterbitkan sepanjang 10 bulan tahun lalu.

"Bagi tempoh antara 2000 hingga 2004, sejumlah RM190 bilion diraih daripada pasaran modal yang mana pembiayaan menerusi bon terutamanya

berlandaskan syariah turut meningkat," katanya.

Pasaran ekuiti juga menjadi antara saluran penting bagi memperoleh dana dengan tawaran awam permulaan (IPO) mencecah RM4 bilion pada 2003 dan RM3.5 bilion sehingga November tahun lalu.

Nor Mohamed berkata, dari segi pencapaian pelaburan, pasaran ekuiti menjana pulangan tahunan pada purata 12.9 peratus dari 2000 hingga 2004, manakala bon korporat 6.6 peratus.

"Penyertaan asing dalam pasaran modal juga semakin meningkat dengan dana asing tahun lalu meningkat sehingga RM130 bilion atau 30 peratus daripada jumlah dagangan," katanya.

(END) Source : Berita Harian